



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI**

## **SIARAN MEDIA**

### **SESI LIBAT URUS BERSAMA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI PENYEDIAAN RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS**

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengadakan sesi libat urus penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) bersama Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah dipengerusikan bersama oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dan YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Pulau Pinang merupakan negeri keenam bagi jelajah sesi libat urus yang telah bermula sejak 5 Julai 2019 lalu.

Pulau Pinang merupakan antara negeri yang paling membangun di negara dan kelima tertinggi dalam sumbangan kepada KDNK nasional dengan nilai sebanyak RM91.18 bilion atau 6.7% daripada KDNK pada tahun 2018. Maka, RMKe-12 akan dirangka bagi menjayakan rancangan pembangunan di peringkat Persekutuan dan Negeri, di mana potensi dan kekuatan yang dimiliki oleh Negeri Pulau Pinang diberi perhatian dan diambil kira agar kemajuan yang holistik dan inklusif dapat direalisasikan.

Pertemuan pada hari ini membincangkan bagaimana Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mengganding bahu untuk mencipta sumber pertumbuhan ekonomi yang baru. Ini bertujuan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai antara penggerak ekonomi utama di Wilayah Utara dan pada masa yang sama merapatkan jurang ekonomi antara kelas pendapatan, kaum dan wilayah supaya dapat bersama-sama menikmati kekayaan negara.

Dalam pada itu, mesyuarat hari ini telah membincangkan perkembangan dan usaha Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam bidang-bidang pertumbuhan utama ekonomi seperti pembangunan pengangkutan dan logistik yang bersepadu dan lestari, penyelidikan dan pembangunan (R&D), pertanian pintar dan pembangunan modal insan.

MEA sebagai sebuah Kementerian yang diamanah untuk menyediakan RMKe-12 sebagai dokumen pembangunan jangka sederhana dan panjang negara selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 9 Mei 2019 yang lalu di mana YAB Perdana Menteri telah menggariskan Wawasan Kemakmuran Bersama sebagai satu iltizam untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang terus membangun secara mampan dan inklusif.

Turut hadir di sesi libat urus ini ialah Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB Dato' Seri Farizan Darus, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan YBhg. Dato' Saiful Anuar Lebai Hussien, Ketua Setiausaha MEA serta ketua-ketua jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri dan Jabatan Persekutuan di Pulau Pinang.

**Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi**

**2 Ogos 2019**